

# 55 AJARAN MENYELEWENG

Putrajaya

**S**ebanyak 55 ajaran dan fahaman difatwakan sebagai sesat serta menyeleweng dari ajaran Islam sebenar di Wilayah Persekutuan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk Shaary berkata, antaranya ajaran sesat itu adalah Ahmadiah atau Qadiani (2004), Ajaran Salah Kahar Ahmad Jalal (2006), Tariqat Zikrullah Hassan Anak Rimau dan Ayah Pin (2007), Syiah (2015), Millah Abraham (2016) serta Hizbut Tahrir (2018).

Menurutnya, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) berusaha memberikan kesedaran, kefahaman dan pengukuhan terhadap pegangan ajaran Islam berlandaskan manhaj

*Jawi beri kesedaran, kefahaman terhadap pegangan ajaran Islam berlandaskan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah*

Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Ia bagi memastikan umat Islam berupaya menghindari ancaman pelbagai ajaran dan kepercayaan yang menyeleweng dari akidah Islam yang sebenar. Ini termasuklah usaha Jawi menganjurkan Konvensyen Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Peringkat Wilayah Persekutuan.

"Program ini juga bertujuan mengenalpasti dan menangkis anasir-anasir mengelirukan dari segi akidah, syariah dan pemikiran yang berpotensi menggugat perpaduan serta keharmonian ummah, lebih-lebih lagi yang tersebar melalui media sosial.

"Selain memperkukuhkan

kefahaman melalui konvensyen dan seminar isu-isu akidah, Jawi turut melaksanakan aktiviti pemantauan dari semasa ke semasa berdasarkan peruntukan undang-undang berkaitan dalam Akta 559 (Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997) bagi mengelakkan umat Islam terjerumus dalam kesesatan dan

penyelewengan," katanya ketika hadir merasmikan Konvensyen Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Peringkat Wilayah Persekutuan di Dewan Masjid Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Jawi, Datuk Mohd Ajib Ismail.

Konvensyen bertemakan Obsesi, Pelampau Agama: Pun-

ca Akidah Goyah itu disertai 350 peserta membabitkan ahli jawatankuasa kariah masjid dan surau, wakil-wakil agensi persekutuan serta negeri, pelajar universiti awam dan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Antara topik yang dibincangkan adalah Perkembangan Terkini Isu-isu yang Mengancam Akidah Umat Islam di Malaysia disampaikan oleh Ustaz Najmuddin Abdul Karim dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP).

Turut dibincangkan, ancaman ekstremis agama terhadap keharmonian umat Islam di Malaysia oleh Pen-

syarah Kanan Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA, Dr Muhammad Rashidi Wahab.

Sesi Bedah Buku bertajuk Tersesat: Kebatilan Gerakan *New Age* turut disampaikan oleh penulis buku itu sendiri iaitu Ahmad Iqram Mohamad Nor.

Selain itu, turut diadakan Forum Hal Ehwal Akidah dengan tajuk Menanggapi Keliruan Ilmu Eskatologi dan Hadis Fitan membariskan ahli panel seperti Dr Mohd Hamidi Ismail yang juga Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Dr Mohd Hamidi Ismail serta pensyarah Fakulti Pengajian Quran Sunnah Usim, Dr Mohd Yusof Ismail.



AHMAD Marzuk

## KDN buka 575 kertas siasatan

**Kuala Lumpur:** Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia amat memandangkan serius penggunaan ayat-ayat suci al-Quran dalam sebarang bentuk termasuk untuk tujuan seni seperti kaligrafi atau khat yang dijual kepada umum.

Komitmen ini diterjemahkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang antara perannya adalah menjaga ketenteraman awam merangkumi sensitiviti agama. Justeru, industri khat diakui pakar sebagai perusahaan bernilai tinggi, antara fokus KDN yang bukan sahaja mahu membendung eksploitasi tetapi juga memastikan tidak timbul kekeliruan dalam kalangan umat Islam di negara ini.

Ketegasan KDN dicerminkan oleh 28,337 operasi yang dilakukan menerusi Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Percetakan al-Quran (LPPPO) bagi tempoh 2019 hingga April 2022, dengan 111,163 unit merangkumi teks dan produk menggunakan ayat al-Quran dirampas bernilai kira-kira RM5 juta.

Dalam tempoh itu juga 575 kertas siasatan dibuka, membabitkan pelbagai kesalahan mengikut Akta

Percetakan Teks al-Quran (APTQ) 1986.

Bercakap kepada Bernama, Penolong Setiausaha Seksyen Regulatori al-Quran dan Hadith di Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan KDN, Mohd Farid Hadi Sharif berkata, sebarang kesilapan dalam penulisan ayat al-Quran atau tidak mematuhi garis panduan ditetapkan adalah kesalahan yang boleh diambil tindakan mengikut APTQ 1986.

"KDN melalui LPPPO mempunyai Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Teks al-Quran (Lajnah Tashih al-Quran) yang bertanggungjawab menangani isu sebegini. Antara fungsi Lajnah ialah menyemak semua teks atau bahan al-Quran serta produk yang mengguna pakai ayat al-Quran, khususnya perkara yang termaktub mengikut APTQ 1986," katanya.

Beliau tidak menafikan banyak karya khat ayat al-Quran dikesan mengandungi pelbagai kesalahan

berdasarkan hasil operasi bersepadu di bangunan dan premis perniagaan dijalankan KDN, walaupun sudah ada garis panduan lengkap berkaitan pembuatan dan penulisan khat ayat al-Quran dikeluarkan LPPPO.

Antara kesalahan utama sering dikenal pasti ialah kalimah dan ayat al-Quran ditulis tidak lengkap atau sempurna serta tulisan yang tidak boleh dibaca dan mengelirukan pembaca.

"Terdapat juga kesalahan lain seperti kesilapan menulis pada huruf surah atau nombor ayat al-Quran selain ada pengkarya yang menulis khat al-Quran berbentuk mahkluk bernyawa atau sebarang bentuk yang boleh menjatuhkan kesucian al-Quran."

"Ini antara karya yang sering disita ketika operasi selain penulisan khat al-Quran yang disambungkan atau dicampur aduk dengan apa-apa ayat atau tulisan lain termasuk hadis, kata-kata ulama dan sebagainya," kata beliau.

Mengulas lebih lanjut, Mohd Farid Hadi berkata, bagi kesalahan melakukan pencetakan teks atau bahan al-Quran yang mengandungi kesilapan ejaan, mereka boleh didakwa mengikut Seksyen 14(1) APTQ 1986 dan jika sabit kesalahan, boleh didenda hingga RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Lantaran itu, kesemua

aktiviti berkaitan pembuatan karya seni khat perlu mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan seperti individu yang terbabit dalam pembuatan khat al-Quran hendaklah orang Islam dan mereka ini termasuk yang menulis, mengukir, mereka bentuk, mencetak dan sebagainya.

Selain itu, sebarang aktiviti membabitkan khat al-Quran hendaklah dilakukan di tempat bersih dan terkawal daripada pencemaran najis selain proses pembuatan perlu menggunakan bahan serta alatan yang bersih dan suci mengikut hukum syarak.

"Sebenarnya tiada masalah untuk menghasilkan produk khat al-Quran pada kulit binatang kerana ini dibolehkan oleh syarak. Namun menjadi haram apabila menggunakan kulit binatang babi dan anjing."

"Selain itu, turut dilarang menulis atau melukis khat al-Quran pada badan manusia atau haiwan. Bahan yang digunakan mestilah yang berkualiti, sesuai ketahanan, tidak mudah rosak supaya tulisan khat tidak mudah hilang atau tertanggal huruf, baris atau titiknyanya," jelasnya.

Beliau berkata, bagi jenis tulisan khat yang sukar dibaca seperti Kufi Murabba' (kufi petak) hendaklah disertakan sekali khat Nasakh (penulisan khat dengan bentuk karakter bahasa Arab yang jelas dan mudah

dibaca) bersaiz kecil di bawah karya terbabit bagi memudahkan pembacaan.

Bagi penulisan khat al-Quran pada dinding bangunan, papan iklan, kain rentang dan lain-lain pula, karya perlu terlebih dahulu dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau pihak berkuasa berkaitan seperti pihak berkuasa agama negeri untuk kelulusan.

Menurut Mohd Farid Hadi, KDN juga mengeluarkan satu garis panduan khas pelupusan cetakan teks atau bahan al-Quran kepada semua pengusaha, pengilang, pekerja dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab melulus serta mengawal aktiviti pelupusan bahan penerbitan dan perhiasan mengandungi ayat suci al-Quran.

Antara yang dijelaskan dalam garis panduan itu ialah prosedur pelupusan, ciri-ciri mesin insinator, bilik penyimpanan, adab dan juga etika pengendalian aktiviti pelupusan teks al-Quran.

Sementara itu, jurucakap Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) berkata, pihaknya mempunyai kuasa di bawah Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 untuk menyasat dan mengambil tindakan sekiranya terdapat perlang-

garan undang-undang terbabit termasuk penjualan karya khat al-Quran secara dalam talian.

Jelasnya, peraturan itu merupakan perundangan subsidiari mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999 berkaitan perdagangan elektronik (dalam talian).

"Peraturan ini mewajibkan peniaga mendedahkan laman maklumat utama ketika urus niaga dalam talian dijalankan di antara peniaga dan pembeli, iaitu nama peniaga, nombor pendaftaran perniagaan, alamat e-mel, nombor telefon, ciri utama barang atau perkhidmatan, harga barang termasuk kos penghantaran, kaedah pembayaran, terma atau syarat dan anggaran masa penghantaran.

"Maklumat ini perlu didedahkan peniaga untuk memudahkan pengguna membuat pilihan, mendapatkan maklumat tambahan dan berkomunikasi dengan peniaga sekiranya pengguna memerlukan penjelasan lanjut supaya mereka tidak rasa diperdaya," jelasnya, menambah kegagalan mematuhi peraturan itu akan dikenakan tindakan tegas oleh KPD-NHEP.

KPDNHEP juga sentiasa melakukan pemeriksaan dan pemantauan ke atas syarikat, platform dan penyedia tapak pasar dalam talian bagi memastikan pematuhan tinggi perundangan yang ditetapkan.

Selain itu, maklumat utama terbabit juga akan memudahkan Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP mengambil tindakan.



*Terdapat juga kesalahan lain seperti kesilapan menulis pada huruf surah atau nombor ayat al-Quran selain ada pengkarya yang menulis khat al-Quran berbentuk mahkluk bernyawa atau sebarang bentuk yang boleh menjatuhkan kesucian al-Quran"*

**Mohd Farid Hadi Sharif**